



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
Kompleks Pendidikan, Jalan Stadium
05604 Alor Setar Kedah

Tel : 04-7745100
Faks : 04-7328659
Laman Web : <http://jpnkedah.moe.gov.my>

Ruj Tuan :
Ruj Kami : JPK.800-3/1/1 JLD2 ()
Tarikh : 10 Mei 2023

Ketua Pegawai Eksekutif
Akademi J&W Sdn Bhd
1st Floor, 51 53A,
Jalan SS25/2,
Taman Bukit Emas,
47301 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

**KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM PENAJAAN PENDIDIKAN (PPP)
"KURSUS KAUNSELING UNIVERSITI DAN PEKERJAAN" DI SEKOLAH MENENGAH
KEDAH BAGI MURID LEPASAN SPM ATAU STPM**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan bertarikh 10 Februari 2023, nombor rujukan JW25122022/00001 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah tiada halangan untuk memberi kebenaran melaksanakan program seperti di atas. Kelulusan ini terhad untuk urusan dengan pentadbir sekolah bagi hal-hal yang berkaitan tanpa sebarang unsur paksaan dan implikasi kewangan kepada mana-mana pihak.
3. Sehubungan itu, pihak tuan perlu mematuhi syarat-syarat berikut:
 - 3.1 **Mendapat kebenaran daripada pengetua sekolah-sekolah terlibat;**
 - 3.2 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapat sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
 - 3.3 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan pegawai/ guru dan murid yang terlibat dengan program ini;
 - 3.4 Pihak sekolah **tidak boleh dipaksa** untuk menerima program yang ditawarkan oleh pihak tuan;
 - 3.5 Penyertaan murid dan pegawai/ guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
 - 3.6 Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat **kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;**
 - 3.7 Sekiranya terdapat perubahan tarikh penganjuran, pihak penganjur perlu memohon semula dan kebenaran ini adalah terbatal secara automatik;
 - 3.8 Tiada implikasi kewangan kepada Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, guru dan murid yang terlibat;


- 3.9 Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut;
- 3.10 Jabatan Pendidikan Negeri Kedah berhak menarik balik kelulusan/kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.
4. Untuk makluman pihak tuan, bagi melindungi masa instruksional (MMI), pihak kami mencadangkan supaya program berkenaan diadakan di luar waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau mana-mana pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja.
5. Kelulusan ini (**Kebenaran Penganjuran Program Penajaan Pendidikan (PPP) "Kursus Kaunseling Universiti Dan Pekerjaan" Di Sekolah Menengah Kedah Bagi Murid Lulusan SPM atau STPM**) akan luput selepas tarikh 31 Disember 2023.

Perhatian dan kerjasama tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG"

Saya yang menjalankan amanah,



(SABRI BIN OSMAN, BCK.)
Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembangunan Murid
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah